BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**No.Ruj: 01/10/08**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1830 hari Khamis, 28 Januari 2010**

## Perkembangan Monetari dan Kewangan Disember 2009
## Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Indeks Harga Pengguna (IHPI) mencatat pertumbuhan positif 1.1% pada bulan Disember 2009.

- Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus tinggi berikutan peningkatan dalam pengeluaran pinjaman pada bulan itu.

- Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) meningkat sedikit masing-masing kepada 14.7% dan 13.1%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**No.Ruj: 01/10/08**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1830 hari Khamis, 28 Januari 2010**

## PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

## Disember 2009

---

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus tinggi berikutan peningkatan dalam pengeluaran pinjaman pada bulan Disember. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Disember. Penunjuk pinjaman keseluruhan mencatat pertumbuhan tahunan yang kukuh meliputi sektor perniagaan dan isi rumah.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, manakala kadar deposit tetap purata bagi semua tempoh matang tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata juga tidak berubah pada 5.51% pada 15 Januari, sementara kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah pada 4.83% pada akhir bulan Disember (4.91% pada November).

Pada tempoh 1 Disember 2009 hingga 27 Januari 2010, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.0% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat. Ringgit bagaimanapun menambah nilai berbanding dengan euro (6.0%), yen Jepun (1.9%) dan paun sterling (1.8%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (0.5%) namun menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 1.0% hingga 1.8%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Indeks Harga Pengguna (IHPI) bertukar positif pada bulan Disember dengan kenaikan tahunan 1.1% (November: -0.1%). Seperti pada bulan sebelumnya, inflasi yang bertambah baik ini disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan pelarasan harga runcit bahan api tahun lalu. Harga dalam kategori *pengangkutan* yang menyebabkan inflasi menjadi negatif sejak bulan Jun 2009 jatuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.9% pada bulan Disember (November: -6.8%).

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 9.1%. Pada asas bulanan, M3 bertambah RM16.6 bilion disebabkan oleh faktor dalam negeri dan luaran. Kenaikan M3 pada bulan tersebut disebabkan oleh pemberian kredit yang lebih tinggi oleh bank kepada sektor swasta serta perbelanjaan Kerajaan dan aliran masuk asing bersih yang lebih besar.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing pada 14.7% dan 13.1%. Nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih bertambah baik kepada 1.8%, sementara nisbah perlindungan hutang lapuk dan hutang ragu agregat pula melebihi 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my


## Kadar faedah stabil pada bulan Disember

Pada tempoh 1 Disember 2009 – 27 Januari 2010, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.


Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan bagi bulan Disember dan Januari tidak berubah. Pada 15 Januari, kadar FD disebut purata bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.00% hingga 2.50%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (BLR) purata tidak berubah pada 5.51% pada 15 Januari. Kadar pinjaman purata (ALR) pula menurun kepada 4.83% pada akhir bulan Disember (masing-masing 4.91% dan 4.85% pada November dan Oktober).

*Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil*





*Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil*





Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

**Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia**
**(Akhir tempoh, RM bilion)**





*BNM terus menyerap lebihan mudah tunai*

**Kadar Pinjaman:**
**Bank Perdagangan**
**(pada akhir tempoh)**





*ALR bank perdagangan lebih rendah pada bulan Disember*

**Keadaan Mudah Tunai**





*Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit menjadi sederhana pada bulan Disember kerana deposit meningkat lebih pantas daripada pinjaman dan jumlah pembiayaan*

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my




| | 1 bulan | 3 bulan | 6 bulan | 9 bulan | 12 bulan |
|---|---|---|---|---|---|
| Nov 09 | 2.00 | 2.03 | 2.04 | 2.05 | 2.50 |
| Dis 09 | 2.00 | 2.03 | 2.04 | 2.05 | 2.50 |
| 15 Jan 10 | 2.00 | 2.03 | 2.04 | 2.05 | 2.50 |

*Kadar deposit tetap purata tidak berubah*





*Kadar deposit tetap benar terus sederhana sejajar dengan inflasi yang lebih baik*


## Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Disember 2009 hingga 27 Januari 2010, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.0% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Ringgit bagaimanapun menambah nilai berbanding dengan euro (6.0%), yen Jepun (1.9%) dan paun sterling (1.8%). Euro menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang kerana kebimbangan mengenai isu kredit berdaulat di Greece. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (0.5%), namun menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 1.0% hingga 1.8%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my




*Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama namun menyusut nilai berbanding dengan dolar AS*




*Ringgit secara amnya menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau*


## Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih


| RM kepada mata wang asing | Akhir tempoh | | | | Perubahan % | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dis 08 | Nov 09 | Dis 09 | 27 Jan 10 | Akhir Dis 08 - 27 Jan 10 | Akhir Nov 09 - 27 Jan 10 |
| Dolar AS | 3.4640 | 3.3875 | 3.4245 | 3.4210 | 1.3 | -1.0 |
| Euro | 4.8759 | 5.1026 | 4.9191 | 4.8156 | 1.3 | 6.0 |
| Paun sterling | 4.9989 | 5.6165 | 5.5001 | 5.5174 | -9.4 | 1.8 |
| 100 yen Jepun | 3.8327 | 3.9087 | 3.7076 | 3.8361 | -0.1 | 1.9 |
| Dolar Singapura | 2.4070 | 2.4497 | 2.4401 | 2.4381 | -1.3 | 0.5 |
| 100 baht Thailand | 9.9398 | 10.202 | 10.271 | 10.356 | -4.0 | -1.5 |
| 100 peso Filipina | 7.2774 | 7.2151 | 7.4196 | 7.3396 | -0.8 | -1.7 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0316 | 0.0358 | 0.0364 | 0.0365 | -13.3 | -1.8 |
| 100 won Korea | 0.2750 | 0.2920 | 0.2937 | 0.2955 | -6.9 | -1.2 |
| Renminbi China | 0.5076 | 0.4961 | 0.5016 | 0.5011 | 1.3 | -1.0 |

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Indeks Harga Pengguna meningkat pada bulan Disember

Indeks Harga Pengguna (IHP) menjadi positif pada bulan Disember, dengan kenaikan tahunan 1.1% (November: -0.1%). Seperti pada bulan sebelumnya, inflasi yang lebih baik ini didorong terutamanya oleh luputnya kesan pelarasan harga bahan api tahun lepas. Harga dalam kategori *pengangkutan* yang telah menyebabkan inflasi menjadi negatif sejak bulan Jun 2009 mencatat kejatuhan yang lebih perlahan sebanyak 0.9% pada bulan Disember (November: -6.8%). Selain itu, inflasi bagi kategori *barangan dan perkhidmatan pelbagai* adalah lebih tinggi pada 5.2% (November: 4.8%) disebabkan kenaikan harga *barang kemas, cincin dan batu berharga.* Sementara itu, harga dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* meningkat sedikit kepada 1.1% pada bulan tersebut (November: 0.9%).








Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Harga pengeluar jatuh pada kadar lebih perlahan

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), jatuh pada kadar lebih perlahan iaitu 1.2% pada bulan November (Oktober: -4.3%). Ini disebabkan terutamanya oleh pemulihan harga dalam komponen IHPR berasaskan komoditi yang jatuh dengan lebih perlahan pada 0.7% pada bulan itu (Oktober: -9.7%). Begitu juga dengan komponen IHPR bukan berasaskan komoditi yang mencatat kejatuhan harga yang lebih perlahan sebanyak 1.5% (Oktober: -2.0%). Pada asas bulanan, harga pengeluar meningkat 1.0% (Oktober: 1.4%).

Dari segi komposisi, harga komponen IHPR tempatan dan diimport terus jatuh pada kadar yang lebih perlahan. Berbanding dengan paras harga setahun yang lalu, harga bagi komponen IHPR tempatan jatuh 1.8% (Oktober: -5.8%), sementara komponen diimport pula mencatat kejatuhan harga sebanyak 0.2% (Oktober: -1.2%).




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## M3 meningkat pada bulan Disember

Pada bulan Disember, wang secara luas (M3) meningkat pada kadar tahunan 9.1%. Pada asas bulanan, M3 bertambah sebanyak RM16.6 bilion disebabkan oleh faktor dalam negeri dan luaran. Faktor utama kenaikan M3 pada bulan itu ialah pemberian kredit yang lebih tinggi oleh bank kepada sektor swasta serta perbelanjaan Kerajaan dan aliran masuk asing bersih yang lebih besar.


**Penentu-Penentu M3**

(RM bilion)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Sep 09** | **Okt 09** | **Nov 09** | **Dis 09** |
| M3 | 2.6 | 7.8 | 17.2 | 16.6 |
| Tuntutan bersih ke atas Kerajaan | 1.1 | 5.6 | 1.1 | 6.8 |
| Tuntutan ke atas sektor swasta | 5.0 | 4.3 | 5.3 | 10.3 |
| *Pinjaman* | *5.6* | *5.3* | *0.4* | *9.7* |
| *Sekuriti* | *-0.6* | *-1.0* | *4.9* | *0.7* |
| Aset luar bersih * | -5.1 | 0.6 | 3.6 | 2.3 |
| Pengaruh lain | 1.7 | 3.4 | 13.3 | -2.8 |

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Deposit sistem perbankan meningkat lagi pada bulan Disember

Berbanding dengan bulan sebelumnya, jumlah deposit dalam sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM19.8 bilion pada bulan Disember (November: RM25.4 bilion). Pada asas tahunan, jumlah deposit meningkat 9.3% (November: 10.6%). Analisis mengikut pelanggan menunjukkan bahawa kenaikan dalam deposit disumbangkan terutamanya oleh institusi kewangan bukan bank domestik, orang perseorangan dan institusi perbankan. Bayaran bonus hujung tahun turut menyumbang kepada peningkatan deposit oleh orang perseorangan. Mengikut jenis pula, kenaikan deposit dilihat terutamanya dalam bentuk *deposit lain*, *Sistem Perbankan Islam*, *NID*, *pertukaran asing* dan sebahagiannya lagi dalam bentuk *deposit simpanan*

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Sep 09** | **Okt 09** | **Nov 09** | **Dis 09** |
| Kerajaan Persekutuan | -1,196 | -2,373 | 2,131 | -482 |
| Kerajaan Negeri | -404 | -695 | -440 | -162 |
| Badan Berkanun [1] | -2,197 | 453 | 741 | -292 |
| Institusi Kewangan | 13,266 | -7,385 | -2,792 | 15,149 |
| *Di Antaranya:* | | | | |
| *Institusi Perbankan* | *8,450* | *-5,496* | *6,796* | *4,752* |
| *Institusi Kewangan Bukan Bank* | *3,427* | *-1,114* | *-10,308* | *8,405* |
| Perusahaan Perniagaan | -1,257 | 9,099 | 25,451 | -946 |
| Individu | 80 | 447 | 354 | 5,343 |
| Lain-lain [2] | 1,416 | -176 | -25 | 1,241 |
| Jumlah | 9,709 | -630 | 25,419 | 19,850 |

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

## Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Sep 09** | **Okt 09** | **Nov 09** | **Dis 09** |
| Deposit tetap | 681 | -1,336 | 1,376 | -97 |
| NID | 7,029 | -8,008 | 2,835 | 3,276 |
| Deposit permintaan | 2,650 | -987 | 6,804 | -336 |
| Deposit tabungan | 546 | -335 | 479 | 1,912 |
| Perjanjian beli balik (Repo) | 555 | -348 | 368 | 480 |
| Deposit mata wang asing | -469 | -462 | 2,460 | 2,453 |
| Deposit SPI [1] | -213 | 4,690 | 5,846 | 5,181 |
| Lain-lain [2] | -1,070 | 6,155 | 5,250 | 6,981 |
| Jumlah | 9,709 | -630 | 25,419 | 19,850 |

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam


2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Pembiayaan kasar terus tinggi pada bulan Disember


Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus tinggi pada bulan Disember iaitu pada RM69.2 bilion (November: RM84.8 bilion), mencerminkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada bulan itu. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu 8.6% pada akhir bulan Disember (November: 7.2%).

*Pembiayaan kasar terus tinggi pada bulan Disember*




[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

*Pengeluaran pinjaman terus meningkat*




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

*Penunjuk pinjaman utama mencatat pertumbuhan tahunan yang kukuh, meliputi sektor perniagaan dan isi rumah*

**Penunjuk Pinjaman Bank**


| | RM bilion | | | Pertumbuhan Tahunan (%) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Nov-09 | Dis-09 | J-D 09 | Nov-09 | Dis-09 | J-D 09 |
| **Jumlah** | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 47.8 | 42.0 | 518.7 | 36.8 | 33.3 | 9.3 |
| Kelulusan pinjaman | 28.8 | 26.5 | 286.7 | 37.8 | 31.4 | -1.5 |
| Pengeluaran pinjaman | 63.8 | 64.7 | 655.6 | 21.7 | 22.1 | 2.4 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | 4.9 | 9.4 | 56.9 | 7.0 | 7.8 | 7.8 |
| **Perusahaan perniagaan** | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 22.9 | 16.5 | 237.7 | 33.5 | 5.0 | -2.8 |
| Kelulusan pinjaman | 13.9 | 13.0 | 127.6 | 45.3 | 20.8 | -13.8 |
| Pengeluaran pinjaman | 43.6 | 43.3 | 437.6 | 17.3 | 16.7 | -4.0 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | -1.8 | 5.6 | 7.8 | 0.6 | 2.6 | 2.6 |
| **PKS[2/]** | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 10.3 | 8.7 | 104.5 | 50.4 | 45.5 | 4.0 |
| Kelulusan pinjaman | 3.8 | 4.3 | 45.3 | 5.4 | 5.4 | -16.3 |
| Pengeluaran pinjaman | 11.6 | 14.0 | 143.3 | -8.5 | 4.7 | -12.0 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/ 3/] | -0.6 | 1.3 | -5.6 | -6.0 | -4.5 | -4.5 |
| **Isi rumah** | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 24.9 | 25.5 | 281.0 | 39.9 | 61.4 | 22.0 |
| Kelulusan pinjaman | 14.9 | 13.5 | 159.2 | 31.5 | 43.7 | 11.3 |
| Pengeluaran pinjaman | 20.2 | 21.4 | 218.0 | 32.6 | 34.6 | 18.1 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | 3.3 | 5.2 | 39.3 | 9.5 | 10.0 | 10.0 |

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan meningkat sedikit sebanyak 4.6% pada asas tahunan pada akhir Disember 2009.

*Pengeluaran pinjaman terus meluas*





Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk pinjaman utama terus menunjukkan pertumbuhan tahunan yang kukuh meliputi sektor perniagaan dan isi rumah. Dalam sektor perniagaan, permintaan terhadap pembiayaan lebih rendah sementara kelulusan dan pengeluaran pinjaman secara relatif terus kukuh. Pengeluaran pinjaman disalurkan terutamanya kepada *sektor perkilangan*, *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*; dan *sektor pertanian utama* untuk modal kerja. Pada akhir bulan Disember, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar tahunan 2.6% (akhir November: 0.6%).

Dalam sektor isi rumah, permintaan terhadap pembiayaan untuk pembelian kereta penumpang dan keperluan peribadi adalah lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman juga meningkat lantas menyebabkan pengembangan seterusnya dalam pinjaman isi rumah terkumpul pada kadar tahunan sebanyak 10% pada akhir bulan Disember (akhir November: 9.5%).

## Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal adalah menggalakkan


Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM4.3 bilion pada bulan Disember. Walau bagaimanapun, jumlah ini lebih rendah berbanding dengan paras bulan November memandangkan pada bulan lalu terdapat beberapa terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang besar dan satu tawaran awam awal. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh melalui PDS berjumlah RM3.3 bilion dan ini digunakan terutamanya untuk modal kerja. Bagi sektor awam pula, dana yang diperoleh adalah melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 2 tahun yang berjumlah RM2.0 bilion.




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## KLCI meningkat pada bulan Disember

FBM KLCI bulan Disember ditutup lebih tinggi pada 1,272.78 mata (akhir November: 1259.11) berikutan sentimen pasaran yang positif. Para pelabur telah memberi reaksi positif terhadap pengumuman oleh pentadbiran Abu Dhabi untuk membantu Dubai melunaskan obligasi hutangnya. Sementara itu, sentimen pasaran di dalam negeri turut disokong oleh langkah Kerajaan mengkaji semula cukai untung harta tanah yang akan hanya dikenakan terhadap harta tanah yang dijual dalam masa lima tahun dari tarikh pemerolehannya. Permodalan pasaran meningkat kepada RM999.5 bilion (sejak akhir November: +1.3%), sementara urus niaga purata harian merosot kepada 657 juta unit (November: 1141 juta unit).





*KLCI meningkat pada bulan Disember*

Pada 27 Januari, FBM KLCI ditutup lebih rendah pada 1,265.77 mata (sejak akhir Disember: -0.5%). Ini adalah sejajar dengan trend indeks serantau berikutan kebimbangan para pelabur terhadap langkah yang diambil oleh China baru-baru ini untuk mengehadkan pengembangan kredit dan juga ura-ura oleh pentadbiran Amerika Syarikat untuk melaksanakan reformasi pengawalan perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM331.4 bilion (bersamaan dengan USD96.7 bilion) pada 15 Januari 2010. Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.




Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

## Permodalan dan kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing pada 14.7% dan 13.1%. Modal asas berkembang 1.2% disebabkan oleh aktiviti memperoleh modal dan pemasukan keuntungan hujung tahun oleh beberapa buah bank. Pinjaman tak berbayar (NPL) kasar turun 3.5% berikutan hapus kira, kutipan semula pinjaman dan pengelasan semula NPL menjadi pinjaman berbayar secara berterusan. Nisbah perlindungan hutang lapuk dan ragu agregat pula melebihi 90%. Kesemua ini secara keseluruhan telah menyumbang kepada nisbah NPL bersih yang bertambah baik iaitu pada 1.8%.


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

**Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan ***

| | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | Okt 09 | Nov 09 | Dis 09 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Modal (%) **** | | | | | | | | | | |
| Nisbah modal teras | 11.1 | 11.1 | 11.4 | 10.7 | 10.7 | 10.2 | 10.6 | 13.0 | 13.0 | 13.1 |
| RWCR | 13.2 | 13.8 | 14.4 | 13.7 | 13.5 | 13.2 | 12.6 | 14.6 | 14.6 | 14.7 |
| **NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)** | | | | | | | | | | |
| % jumlah pinjaman bersih | 10.2 | 8.9 | 7.5 | 5.8 | 4.8 | 3.2 | 2.2 | 2.1 | 1.9 | 1.8 |
| Jumlah (RM juta) | 43,110 | 40,013 | 36,668 | 31,332 | 27,360 | 20,011 | 15,889 | 15,606 | 14,538 | 13,886 |
| **Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)** | 2.1 | 2.0 | 1.9 | 1.8 | 1.7 | 1.7 | 1.7 | 1.7 | 1.7 | 1.6 |


* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II

**Penunjuk Kekukuhan Modal**




*Permodalan sistem perbankan terus kukuh…*

**Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am**




* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

*…manakala paras NPL bertambah baik*

**Bank Negara Malaysia**
**28 Januari 2010**

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

| | | Okt 09 | | Nov 09 | | Dec 09 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jumlah terkumpul | Pertumbuhan tahunan | Jumlah terkumpul | Pertumbuhan tahunan | Jumlah terkumpul | Pertumbuhan tahunan |
| | | (RM b) | (%) | (RM b) | (%) | (RM b) | (%) |
| **Agregat Monetari** | | | | | | | |
| Wang rizab | | 52.6 | -24.3 | 55.2 | -20.1 | 54.8 | -20.0 |
| M1 | | 190.8 | 10.5 | 200.2 | 13.6 | 200.9 | 9.8 |
| M2 | | 955.6 | 9.7 | 972.7 | 10.4 | 989.1 | 9.5 |
| M3 | | 983.2 | 9.2 | 1,000.4 | 10.0 | 1,017.0 | 9.1 |
| **Sistem Perbankan** | | | | | | | |
| Jumlah deposit | | 1,017.6 | 9.0 | 1,043.1 | 10.6 | 1,062.9 | 9.3 |
| Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas) | | 769.1 | 7.5 | 774.0 | 7.0 | 783.4 | 7.8 |
| Nisbah pinjaman-deposit (%) [1] | | 79.0 | | 78.0 | | 77.9 | |
| Nisbah pembiayaan-deposit (%) [1 & 2] | | 85.7 | | 84.8 | | 84.6 | |
| Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan) | | 48.9 | 39.1 | 47.8 | 36.8 | 42.0 | 33.3 |
| Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan) | | 25.0 | 26.3 | 28.8 | 37.8 | 26.5 | 31.4 |
| Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan) | | 57.9 | 10.1 | 63.8 | 21.7 | 64.7 | 22.1 |
| Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan) | | 52.3 | 4.7 | 53.6 | 23.7 | 56.0 | 11.6 |
| **Keadaan Sistem Perbankan** | | | | | | | |
| Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%) | | 14.6 | | 14.6 | | 14.7 | |
| NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%) | | 2.1 | | 1.9 | | 1.8 | |
| **Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)** | | | | | | | |
| Rizab dalam RM bilion | | 334.6 | | 334.9 | | 331.3 | |
| Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan) | | 96.0 | | 96.1 | | 96.7 | |
| Bilangan bulan import tertangguh | | 10.0 | | 10.0 | | 9.8 | |
| **Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]** | | | | | | | |
| Kadar Dasar Semalaman (OPR) | | 2.00 | | 2.00 | | 2.00 | |
| Antarabank: | Semalaman | 1.99 [2.00] | | 1.99 [2.00] | | 1.99 [2.00] | |
| | Seminggu | 2.02 [2.03] | | 2.02 [2.02] | | 2.02 [2.02] | |
| | 1 bulan | 2.07 [2.07] | | 2.06 [2.06] | | 2.07 [2.06] | |
| Deposit tetap bank perdagangan: | 1 bulan | 2.00 | | 2.00 | | 2.00 | |
| | 3 bulan | 2.03 | | 2.03 | | 2.03 | |
| BLR bank perdagangan | | 5.51 | | 5.51 | | 5.51 | |
| ALR bank perdagangan | | 4.85 | | 4.91 | | 4.83 | |
| **Harga** | | | | | | | |
| Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100) | | 112.5 | -1.5 | 112.8 | -0.1 | 113.0 | 1.1 |
| Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100) | | 133.4 | -4.3 | 134.8 | -1.2 | t.d. | t.d. |
| **Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)** | | | | | | | |
| Dolar AS | | 3.4075 | | 3.3875 | | 3.4245 | |
| Euro | | 5.0617 | | 5.1026 | | 4.9191 | |
| Paun Sterling | | 5.6490 | | 5.6165 | | 5.5001 | |
| 100 Yen Jepun | | 3.7328 | | 3.9087 | | 3.7076 | |
| Dolar Singapura | | 2.4398 | | 2.4497 | | 2.4401 | |
| 100 Baht Thailand | | 10.1975 | | 10.2018 | | 10.271 | |
| 100 Peso Filipina | | 7.1760 | | 7.2151 | | 7.4196 | |
| 100 Rupiah Indonesia | | 0.0357 | | 0.0358 | | 0.0364 | |
| 100 Won Korea | | 0.2882 | | 0.2920 | | 0.2937 | |
| **Pasaran Modal** | | | | | | | |
| Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor: | awam | -2.9 | | 6.5 | | 2.0 | |
| | swasta | 2.9 | | 18.8 | | 2.2 | |
| Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh) | | 1,243.2 | | 1,259.1 | | 1,272.8 | |
| Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh) | | 936.5 | | 986.3 | | 999.5 | |

[1] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[2] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my